

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1998/99

Februari 1999

HMT 222 - Sintaksis Bahasa Malaysia

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI SEMBILAN [9] SOALAN DI DALAM TIGA [3] HALAMAN.

Jawab LAPAN [8] soalan.

Bahagian A dan Bahagian B wajib dijawab.

Bahagian C, pilih DUA [2] soalan.

Bahagian A (wajib)

Soalan SATU [1] hingga LIMA [5] berdasarkan ayat berikut:

Ibu sedang menggoreng seketul ayam untuk adik di dapur.

1. Tunjukkan bahawa *menggoreng seketul ayam untuk adik di dapur* sebagai satu konstituen X" menggunakan ujian ko-ordinasi. Gunakan ujian bentuk-PRO dan ujian sebahagian ayat untuk menunjukkan bahawa *ibu* juga ialah satu konstituen X".

[10 markah]

2. Gunakan ujian paradigma dan ujian distribusi/penyebaran untuk mengenalpasti golongan kata kepala dalam konstituen X" *menggoreng seketul ayam untuk adik di dapur*. Apakah huruf yang digunakan untuk nodus yang menaungi secara langsung kepala ini dalam kerangka X- berpalang selepas pengenapastian ini?

[10 markah]

.../2

3. Jelaskan bahawa **seketul ayam** ialah satu komplemen dalam kerangka X- berpalang menggunakan ujian dasar kesebelahan ketat dan ujian tindanan. Jika huruf Y dan T digunakan, apakah dua lambang yang perlu diberikan kepada nodus yang menaungi frasa ini dalam kerangka X- berpalang? Jelaskan mengapa dua lambang ini perlu wujud.

[10 markah]

4. Jelaskan bahawa **untuk adik** ialah satu adjung menggunakan ujian pembelakangan dan **di dapur** ialah satu adjung menggunakan ujian pendepanannya. Jika huruf W, K dan R digunakan, apakah lambang yang perlu diberikan kepada nodus yang menaungi kedua-dua adjung ini dalam kerangka X- berpalang? Kenalpasti adjung yang manakah yang akan wujud berdekatan dengan komplemen.

[10 markah]

5. Lukis rajah X-berpalang untuk ayat ini **Ibu sedang menggoreng seketul ayam untuk adik di dapur.** Pastikan lambang untuk setiap nodus selaras dengan golongan kata kepala setiap frasa. Tunjukkan Rumus Struktur Frasa untuk ayat ini.

[10 markah]

Bahagian B (wajib)

6. Pilih **DUA [2]** ayat dari (a-e). Huraikan dengan lengkap proses penerbitan ayat. Berikan tumpuan kepada perbezaan dan persamaan struktur dalam dan struktur luar ayat-ayat tersebut, jika ada.

- (a) Hakim dibuai perlahan-lahan oleh Atiqah
- (b) Ibu berkata bahawa Hanis mengambil lampin dari ampaian.
- (c) Bolehkah Fatin mendukung Shafiq?
- (d) Udit dan Aop tinggal di rumah nenek mereka di Sungai Mati.
- (e) Amir menyorokkan buku yang semalam tersimpan dalam beg Pak Longnya.

[30 markah]

.../3

Bahagian C (pilihan)

Pilih dan jawab **DUA [2]** soalan.

7. Gunakan ayat (a) dan (b) di bawah untuk membincangkan pendekatan preskriptif dan pendekatan deskriptif.

- (a) Adik makan di warung di mana Mak Timah bekerja.
(b) Adik makan di warung yang Mak Timah bekerja.

[10 markah]

8. Jelaskan dan berikan bukti untuk fungsi gramatis dalam (a) dan (b) untuk ayat ***Ibu ke kedai dan membelikan adik kuih tadi.***

- (a) ***adik*** dan ***kuih*** dari perspektif Za'ba dan Tatabahasa Dewan.
(b) ***ke kedai.***

[10 markah]

9. Berikan definisi lengkap untuk frasa. Berikan ujian-ujian yang jelas untuk pendefinisian ini menggunakan contoh-contoh dari bahasa Melayu.

[10 markah]